

Soalan No: 27

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 27.7.2017

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah pelaksanaan sekolah SMK Desa Wawasan yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek pembinaan Sekolah Menengah Desa Wawasan Tambunan telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana pada masa itu tapak masih belum menjadi hak milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sabah telah menyenaraikan semula permohonan pembinaan bangunan sekolah tersebut dalam dalam *Rolling Plan* Ketiga, Rancangan Malaysia Kesebelas. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.